

SULIT
3757/1
EKONOMI
ASAS
KERTAS 1
NOVEMBER
2001
1 JAM

3757/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2001

TINGKATAN EMPAT

EKONOMI ASAS

KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
- 2. Jawab semua soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan terbaik dan hitamkan ruangan yang sepadan bagi tiap-tiap soalan pada kertas jawapan objektif anda.*

1. Apakah objektif utama penggunaan faktor pengeluaran oleh firma?
 - A Mencapai agihan saksama
 - B Memaksimumkan kepuasan
 - C Memenuhi kehendak manusia
 - D Memaksimumkan keuntungan

2. Setiap pengguna perlu membuat pilihan dengan cekap supaya
 - A tidak timbul masalah pembaziran
 - B dapat mengurangkan perbelanjaan
 - C dapat memaksimumkan kepuasan
 - D dapat menggunakan semua sumber yang sedia ada

3. Soalan 3 adalah merujuk kepada maklumat di bawah tentang negara Malaysia.

PROJEK RAKSASA RM 65.6 BILION DITANGGUHKAN

- Projek Hidroelektrik Bakun;
- Pusat Pentadbiran Putrajaya Fasa II;
- Lapangan Terbang Wilayah Utara;
- Projek Jalan Cameron Highlands, Fraser Hill/Genting Highlands;
- Projek Kuala Lumpur Linear City;
- Jambatan Selat Melaka : Malaysia - Indonesia

Merujuk petikan di atas, apakah masalah ekonomi yang dihadapi oleh Malaysia ?

- | | |
|-------------|--------------|
| A Pilihan | C Kekurangan |
| B Kos Lepas | D Mengimport |

- | |
|---|
| I Keuntungan sebagai alat memakmurkan kehidupan |
| II Mendorong persaingan sihat |
| III Penonjolan aspek kepentingan bersama |

4. Apakah sistem ekonomi yang mengamalkan ciri di atas?
 - A Sistem ekonomi Islam
 - B Sistem ekonomi campuran
 - C Sistem ekonomi pasaran bebas
 - D Sistem ekonomi perancangan pusat

5. Antara berikut, yang manakah dikelaskan sebagai barang percuma?
- A Barang yang penawarannya tidak terhad
 - B Barangan yang disediakan oleh kerajaan
 - C Hadiah gelas daripada pembelian ubat gigi
 - D Sampel barang yang diedarkan oleh syarikat syampu secara percuma

6. Antara berikut, yang manakah dianggap sebagai masalah asas ekonomi?
- I menentukan jenis barang hendak dikeluarkan
 - II menentukan harga barang supaya berdaya saing di pasaran
 - III menentukan pengguna yang akan menikmati barangan yang akan dikeluarkan
 - IV menentukan kuantiti barangan yang perlu dikeluarkan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

Pn Hairani memiliki 10 hektar kebun sayur. Beliau mengusahakan sebahagian kebun tersebut dan memperoleh pendapatan sebanyak RM6 000 setahun. Pn Hairani juga menerima pendapatan sebanyak RM2 000 setahun daripada pihak lain kerana beliau telah memberikan kebenaran mengusahakan sebahagian lagi kebunnya.


7. Apakah bentuk pendapatan yang diperoleh Pn Hairani?
- A Upah dan sewa
 - B Untung dan sewa
 - C Faedah dan upah
 - D Untung dan faedah

En Hasan ialah seorang peniaga buah-buahan. Pendapatan bulannya ialah RM2 000. Beliau seorang duda dan mempunyai tiga orang anak yang bersekolah. Setiap bulan beliau mencarumkan sebanyak RM220 untuk KWSP dan menabung RM200

Pelepasan Cukai : Diri	RM5 000
Isteri	RM3 000
Anak	RM800 (setiap seorang)

8. Berdasarkan maklumat di atas, hitungkan pendapatan En. Hasan yang boleh dikenakan cukai?
- A RM8 560
 - B RM10 960
 - C RM11 560
 - D RM13 960

13. X di dalam persamaan di atas digunakan untuk
- ditabungkan serta membeli barang dan perkhidmatan
 - ditabungkan serta dilaburkan di sektor yang produktif
 - ditabungkan serta digunakan untuk modal perniagaan
 - ditabungkan bagi membeli barang tahan lama secara tunai
14. Antara berikut, yang manakah peranan isi rumah dalam ekonomi?
- Membelanjakan pendapatan
 - Menyediakan faktor pengeluaran
 - Menggunakan faktor pengeluaran
 - Mengeluarkan barang dan perkhidmatan
- A I dan II C II dan IV
 B I dan III D III dan IV



Rajah 1

15. Apakah faktor yang menyebabkan berlaku perubahan daripada kuantiti K_2 ke K_1 dalam gambar rajah di atas?
- Kempen iklan yang berjaya
 - Pendapatan individu berkurangan
 - Harga barang berkenaan meningkat
 - Cukai pendapatan individu meningkat
16. Keluk permintaan seseorang pengguna akan beralih ke kanan kerana sebab-sebab berikut, kecuali
- harga barang itu turun
 - harga barang pengganti turun
 - harga barang pengganti meningkat
 - pendapatan boleh guna meningkat

17. Apakah hubungan yang ditunjukkan oleh keluk permintaan sesuatu barang?

- A Kuantiti barang X yang dijual dengan harga barang X
- B Kuantiti barang Y yang dijual dengan harga barang X
- C Kuantiti barang X yang diminta dengan harga barang Y
- D Kuantiti barang X yang diminta dengan harga barang X

18. Apabila harga barang X turun, kuantiti barang Y diminta bertambah. Apakah kemungkinan barang X dan barang Y?

	Barang X	Barang Y
A	Milo	Horlicks
B	Kamera	Filem
C	Gula	Beras
D	Komputer peribadi	Kereta

19. Keanjalan harga permintaan adalah

- A mengukur perubahan harga sebagai tindak balas daripada perubahan kuantiti
- B mengukur perubahan kuantiti sebagai tindak balas daripada perubahan dalam harga
- C mengukur perubahan kuantiti sebagai tindak balas daripada perubahan pendapatan pengguna
- D mengukur perubahan harga sebagai tindak balas daripada perubahan pendapatan pengguna.

20. Jika sekiranya keanjalan permintaan barang P ialah anjal satu, kenaikan harga barang P akan menyebabkan

- A jumlah kepuasan pengguna bertambah
- B jumlah kepuasan pengguna tidak berubah
- C jumlah perbelanjaan pengguna bertambah
- D jumlah perbelanjaan pengguna tidak berubah

21. Jika harga suatu barang jatuh 2% dan pekali keanjalan permintaannya ialah 0.5, apakah kesan perubahan ke atas kuantiti barang tersebut?

- A Bertambah 1%
- B Berkurang 4%
- C Bertambah 0.25%
- D Berkurang 0.5%

22. Firma ialah

- A satu unit ekonomi yang bertanggungjawab meningkatkan kebajikan manusia.
- B satu unit ekonomi yang bertanggungjawab memenuhi kehendak manusia
- C satu unit ekonomi yang menggunakan faktor-faktor pengeluaran bagi memenuhi kehendak manusia.
- D satu unit ekonomi yang menawarkan faktor-faktor pengeluaran untuk meningkatkan taraf hidup sesebuah negara.

23. Keluk penawaran biasanya bercerun positif dari kiri ke kanan. Apakah yang dapat digambarkan oleh keluk penawaran yang bersifat demikian?
- A Apabila harga sesuatu barang merosot, kuantiti penawaran juga akan merosot
 - B Apabila harga sesuatu barang itu meningkat, kuantiti penawaran akan merosot
 - C Apabila kuantiti penawaran sesuatu barang merosot, harga barang itu akan merosot
 - D Apabila kuantiti penawaran sesuatu barang meningkat, harga barang itu akan meningkat
24. Puan Marina membuat kajian mengenai harga kemeja T berjenama "KINI". Puan Marina mendapati perubahan harga yang kecil sahaja telah membawa perubahan yang besar dalam kuantiti yang ditawarkan. Kajian di atas menunjukkan bahawa penawaran kemeja T tersebut adalah
- A anjal
 - B anjal sifar
 - C anjal uniti
 - D tidak anjal
25. Kuantiti penawaran suatu barang bagi sebuah perindustrian bertambah daripada 100 unit kepada 125 unit apabila harga itu naik daripada RM4 kepada RM5 seunit. Hitungkan pekali keanjalan penawaran barangan tersebut.
- A 0.5
 - B 1.0
 - C 1.5
 - D 2.0
26. Antara berikut, yang manakah benar tentang pengeluaran?
- A Pengeluaran melibatkan pengusaha dan buruh sahaja
 - B Aktiviti pengeluaran merupakan proses penciptaan utiliti
 - C Pengeluaran tidak melibatkan perubahan bentuk bahan mentah
 - D Aktiviti pengeluaran hanya berkaitan dengan pengeluaran barang sahaja
27. Antara berikut, yang manakah kos tetap?
- A Upah buruh asing
 - B Pembelian getah asli
 - C Pembelian mesin
 - D Bayaran kos elektrik

28. Jadual berikut menunjukkan kombinasi input tetap dan input berubah untuk mengeluarkan barang X.


	Input tetap	Input berubah	Jumlah keluaran
P	2	1	3
Q	2	2	12
R	2	3	27
S	2	4	37

Pada jumlah keluaran yang manakah keluaran sutnya paling tinggi?

- A 3
B 12
C 27
D 37
29. Apakah maksud harga keseimbangan pasaran?
A Harga pasaran berdasarkan kos pengeluaran
B Harga pasaran berdasarkan kualiti barangan
C Harga pasaran ditentukan oleh permintaan dan penawaran
D Harga pasaran ditentukan oleh jumlah permintaan masyarakat

Keluk Permintaan dan Penawaran

Harga (RM)



Rajah 2

30. Berdasarkan Rajah 2 di atas, jika harga bertambah sebanyak RM20 daripada tingkat harga keseimbangan, berapakah lebihan penawaran?

- A 80 unit
B 160 unit
C 200 unit
D 240 unit

31. Pn Norasiah yang berkelulusan SPM dan mempunyai Diploma Komputer berjaya mendapat pekerjaan di sebuah syarikat komputer dengan pendapatan RM1 800 sebulan. Bagaimanakah pendapatan Pn Norasiah ditentukan?
- A Berdasarkan tawaran pihak syarikat
 - B Berdasarkan kelayakan yang dipunyainya
 - C Berdasarkan permohonan Pn Norasiah kepada syarikat
 - D Berdasarkan permintaan dan penawaran buruh di pasaran
32. Antara pernyataan berikut yang manakah benar tentang penawaran buruh?
- I Firma menawarkan buruh dalam pasaran faktor
 - II Keluk penawaran buruh mempunyai cerun yang negatif
 - III Penawaran buruh dipengaruhi oleh bilangan penduduk
 - IV Apabila tingkat upah tinggi, penawaran buruh adalah tinggi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
33. Antara berikut yang manakah faktor utama mempengaruhi permintaan modal?
- A Kadar bunga
 - B Harga barangan
 - C Jumlah pinjaman
 - D Kos pengeluaran

Soalan 34 dan Soalan 35 berdasarkan Jadual 2 dibawah


Harga (RM)	Permintaan Isi Rumah (Unit)		Penawaran Firma (Unit)	
	Pengguna X	Pengguna K	Firma Y	Firma M
90	100	280	200	300
80	110	290	190	190
70	120	300	180	280
60	130	310	170	270
50	140	320	160	260

JADUAL 2: PERMINTAAN DAN PENAWARAN ISI RUMAH DAN FIRMA BAGI BARANGAN Z PADA PELBAGAI TINGKAT HARGA

34. Permintaan pasaran barangan Z pada harga 70 sen ialah
- A 300 unit
 - B 420 unit
 - C 460 unit
 - D 880 unit

35. Tentukan harga keseimbangan bagi barangan Z.
- | | |
|-----------|-----------|
| A. 90 sen | C. 70 sen |
| B. 80 sen | D. 60 sen |
36. Antara berikut, yang manakah merujuk kepada aliran fizikal dalam ekonomi dua sektor?
- A Aliran wang dan aliran barang-barang
B Aliran faktor pengeluaran dan aliran wang
C Aliran faktor pengeluaran dan aliran barang-barang dan perkhidmatan
D Aliran perbelanjaan penggunaan dan aliran barang-barang dan perkhidmatan
37. Buruh, tanah, modal dan usahawan merupakan komponen dalam pasaran
- | | |
|---------|----------|
| A wang | C barang |
| B saham | D faktor |

Soalan 38 merujuk kepada Rajah 3 di bawah.



Keluk Permintaan dan Penawaran Pasaran


Rajah 3

38. Berdasarkan Rajah 3, apabila harga jatuh daripada H₀ ke H₂, yang manakah pernyataan berikut benar?
- A Permintaan pasaran melebihi penawaran pasaran sebanyak Q₂Q₄
B Permintaan pasaran kurang daripada penawaran pasaran sebanyak Q₁Q₃
C Penawaran pasaran melebihi permintaan pasaran sebanyak Q₂Q₄
D Penawaran pasaran kurang daripada permintaan pasaran sebanyak Q₁Q₃

39. Terangkan fungsi isi rumah dalam ekonomi dua sektor?

- I Menjamin kestabilan ekonomi
- II Membekalkan faktor pengeluaran
- III Mengguna barang dan perkhidmatan
- IV Mengeluarkan barang dan perkhidmatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



40. Rajah di atas menunjukkan Aliran Fizikal dan Aliran Wang dalam ekonomi dua sektor. Aliran X mewakili

- A pendapatan input
- B faktor pengeluaran
- C perbelanjaan isi rumah
- D barang dan perkhidmatan